

Ruj : UKM 3.1/224/8 Jld IX

Tarikh : 31 hb . Dis 2010

PEKELILING BENDAHARI BIL. 28 /2010

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia, dan
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

TATACARA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGENDALIAN KURSUS DAN LATIHAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai peraturan yang perlu dipatuhi oleh Pusat Tanggungjawab bagi perolehan yang berkaitan dengan latihan seperti kursus, seminar, forum atau lain-lain program latihan yang dianjurkan oleh Pusat Tanggungjawab.

Dimaklumkan bahawa perolehan secara pakej untuk mendapatkan kemudahan dewan/bilik latihan bersekali dengan penginapan dan makanan sehingga RM100,000.00 atau tanpa kemudahan penginapan bernilai setakat RM50,000.00 setiap pakej boleh diperolehi daripada mana-mana hotel atau pusat konvensyen yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan hendaklah mematuhi kadar kelayakan penginapan dan elauan makan peserta latihan yang berkuatkuasa dengan mengemukakan permohonan Pesanan Rasmi beserta Sebutharga berkaitan.

Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan di bawah pengawasan Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Surat Pekeliling Bendahari ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"


Yang benar,


MOHD ABD. RASHID MOHD FADZIL

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
- Pendaftar, UKM



KEMENTERIAN KEWANGAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 5 TAHUN 2004

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

TATACARA PEROLEHAN BERKAITAN LATIHAN

Surat Pekeling ini bertujuan memaklumkan mengenai peraturan yang perlu dipatuhi oleh agensi bagi perolehan yang berkaitan dengan latihan seperti kursus, seminar, forum atau lain-lain program latihan yang dianjurkan oleh agensi.

2. Bagi melicinkan pelaksanaan program-program latihan agensi, Pegawai Pengawal adalah dibenar meluluskan perolehan secara rundingan terus bagi memperolehi kemudahan dan bahan latihan yang diperlukan, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) agensi mempunyai peruntukan latihan mencukupi;
- (ii) perolehan secara pakej untuk mendapatkan kemudahan dewan/bilik latihan bersekali dengan penginapan dan makanan yang tidak melebihi RM100,000 atau tanpa kemudahan penginapan bernilai setakat RM 50,000 setiap pakej boleh diperolehi daripada mana-mana hotel atau pusat konvensyen yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- (iii) perolehan secara pakej hendaklah mematuhi kadar kelayakan penginapan dan elaun makan peserta latihan yang berkuat kuasa; dan

- (iv) perolehan alat tulis dan lain-lain bahan latihan berjumlah tidak melebihi RM3,000 bagi setiap sesi/siri dibenar dibeli di luar kontrak pusat sekiranya spesifikasi yang diperlukan adalah berlainan daripada spesifikasi dalam kontrak pusat dan hendaklah diperolehi daripada syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
3. Semua agensi digalak menggunakan kemudahan yang terdapat di institusi latihan/pusat konvensyen yang dimiliki oleh agensi-agensi Kerajaan atau anak syarikatnya bagi melaksanakan program-program latihan atau lain-lain acara rasmi.
4. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,


(Dato' Izzuddin Bin Dali)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

15 September 2004

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara
Semua Pegawai Kewangan Negeri